



FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD
(800165-P)

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Felda Global Ventures Holdings Berhad ("FGV" atau "Syarikat") yang ke-Tujuh (ke-7) akan diadakan di **Banquet Hall 1, Level B2, Menara Felda, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia** pada hari **Selasa, 16 Jun 2015** pada jam **11.00 pagi** atau pada sebarang penangguhan, untuk menjalankan urusan berikut:

Agenda

Sebagai Urusan Biasa

- Untuk menerima Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 bersama dengan Laporan Para Pengarah dan Juruaudit. **Sila rujuk Nota (1) dalam Nota Penjelasan Urusan Biasa**
- Untuk meluluskan pembayaran Dividen Akhir sebanyak 4 sen sesaham biasa, di bawah sistem satu peringkat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. **(Resolusi 1)**
- Untuk memilih semula para Pengarah berikut, yang bersara menurut Artikel 88 Tataurusan Pertubuhan Syarikat:
(i) Datuk Dr. Omar Salim **(Resolusi 2)**
(ii) YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid **(Resolusi 3)**
(iii) Datuk Haji Faizoull Ahmad **(Resolusi 4)**
- Untuk memilih semula para Pengarah berikut, yang bersara menurut Artikel 94 Tataurusan Pertubuhan Syarikat:
(i) Dato' Mohd Zafer Mohd Hashim **(Resolusi 5)**
(ii) Dato' Mohamed Suffian Awang **(Resolusi 6)**
- Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah sebanyak RM2,091,817 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. **(Resolusi 7)**
- Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai juruaudit Syarikat dan untuk membenarkan para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. **(Resolusi 8)**

Sebagai Urusan Khas

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan wajar, meluluskan perkara berikut sebagai Resolusi Biasa:

- CADANGAN PEMBAHARUAN MANDAT PEMEGANG SAHAM BAGI URUSNIAGA-BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN SEDIA ADA YANG BERBENTUK HASIL ATAU DAGANGAN DAN CADANGAN MANDAT PEMEGANG SAHAM BAGI URUSNIAGA BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN YANG BERBENTUK HASIL ATAU DAGANGAN YANG BAHARU** **(Resolusi 9)**

"**BAHAWA** kuasa adalah dan dengan ini diberi selaras dengan Peraturan 10.09 dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, kepada Syarikat, anak-anak syarikatnya atau mana-mana syarikat tersebut untuk memeterai sebarang urusan yang termasuk dalam jenis Urusniaga Berulang Dengan Pihak Berkaitan, yang mana butiran mengenainya dibentangkan dalam Seksyen 2 dan Lampiran 1 Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 25 Mei 2015 ("Pekeliling"), dengan Pihak Berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling, dengan syarat urusniaga tersebut adalah berbentuk hasil dan/atau perdagangan, yang diperlukan untuk operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya, dijalankan dalam perjalanan perniagaan biasa Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya, yang dilaksanakan pada asas transaksi setaraf dan atas terma komersial biasa yang tidak lebih memihak kepada Pihak Berkaitan berbanding yang secara umumnya tersedia kepada orang awam dan tidak merugikan para pemegang saham minoriti Syarikat;

("Cadangan Mandat-Mandat");

DAN BAHAWA kuasa tersebut hendaklah berkuatkuasa serta-merta selepas resolusi ini diluluskan dan terus berkuatkuasa sehingga:

(a) tamat Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT") Syarikat yang diadakan selepas MAT ini di mana resolusi biasa Cadangan Mandat-Mandat untuk Urusniaga Berulang Dengan Pihak Berkaitan tersebut diluluskan, di mana pada masa itu ia akan luput, kecuali kuasa tersebut diperbaharui oleh satu resolusi yang diluluskan pada MAT Syarikat akan datang; atau

(b) tamat tempoh di mana MAT Syarikat akan datang selepas tarikh tersebut dikehendaki oleh undang-undang untuk diadakan; atau

(c) dibatal atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham Syarikat dalam sebuah mesyuarat agung Syarikat,

mana yang lebih awal;

DAN JUGA BAHAWA kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada para Pengarah Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk menyempurnakan dan melaksanakan segala tindakan dan perkara (termasuk melaksanakan semua dokumen seperti yang diperlukan) yang mereka fikirkan sesuai atau perlu bagi menguatkuasakan urusniaga yang dibenarkan oleh resolusi ini dan Cadangan Mandat-Mandat ini."

- Untuk menjalankan sebarang urusan lain Syarikat yang mana notis yang sewajarnya akan diberikan menurut Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan Akta Syarikat, 1965.

Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen

NOTIS DENGAN INI DIBERIKAN BAHAWA tertakluk kepada kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-Tujuh (ke-7) yang akan diadakan pada 16 Jun 2015, satu dividen akhir sebanyak 4 sen sesaham biasa, di bawah sistem satu peringkat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 akan dibayar pada 10 Julai 2015 kepada pemegang saham. Tarikh kelayakan untuk dividen tersebut ialah pada 30 Jun 2015.

NOTIS JUGA DIBERIKAN BAHAWA pendeposit akan layak untuk menerima kelayakan dividen tersebut hanya bagi:

- Saham yang dipindahkan ke dalam akaun sekuriti Pendeposit sebelum jam 4.00 petang pada 30 Jun 2015 bagi pemindahan biasa; dan
- Saham yang dibeli dari Bursa Malaysia Securities Berhad atas asas kelayakan menurut Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

ATAS PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

KOO SHUANG YEN (MIA 7556)

Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

25 Mei 2015

Nota:

- Seorang ahli Syarikat yang berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat Syarikat, atau dalam mesyuarat mana-mana kelas ahli-ahli Syarikat, adalah berhak untuk melantik mana-mana individu sebagai proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak Ahli pada mesyuarat tersebut. Tidak akan ada sekatan tentang kelayakan proksi.
- Seorang proksi yang dilantik untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat Syarikat hendaklah mempunyai hak yang sama seperti Ahli untuk bersuara pada mesyuarat tersebut.
- Seorang proksi tidak semestinya seorang Ahli dan peruntukan Seksyen 149(1) (b) Akta Syarikat, 1965 tidak akan terpakai kepada Syarikat. Ahli tidak boleh dihalang daripada menghadiri dan mengundi pada mana-mana mesyuarat agung selepas menyerahkan borang proksi. Walau bagaimanapun, kehadiran itu secara automatik akan membatalkan kuasa proksi. Tidak akan ada sekatan tentang kelayakan proksi.
- Ahli boleh melantik sehingga dua orang proksi untuk menghadiri mesyuarat agung Syarikat. Jika seseorang Ahli melantik dua proksi, pelantikan proksi itu tidak boleh menjadi sah melainkan jika Ahli menyatakan bahagian pegangan saham beliau yang akan diwakili oleh setiap satu proksi tersebut. Instrumen pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh orang yang melantik atau peguam beliau yang diberi kuasa secara bertulis atau sekiranya orang yang melantik adalah sebuah perbadanan sama ada di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh pegawai atau peguam yang telah diberi kuasa. Instrumen pelantikan proksi untuk mengundi dalam mesyuarat termasuk kuasa untuk meminta atau menyertai dalam permintaan pengundian bagi pihak yang melantik.
- Di mana Ahli adalah Penama Sah yang dikecualikan yang memegang saham-saham biasa dalam Syarikat untuk beberapa pemilik bermanfaat dalam satu akaun sekuriti ("akaun omnibus") tidak ada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh Penama Sah yang dikecualikan bagi setiap akaun omnibus yang dipegang untuk mengundi di tempatnya, dan bahawa proksi juga tidak perlu menjadi ahli dan di mana seorang ahli melantik lebih daripada seorang proksi, pelantikan tersebut adalah tidak sah kecuali ia menyatakan nisbah pegangan yang akan diwakili oleh setiap proksi. Seorang Penama Sah yang dikecualikan merujuk kepada penama yang diberi kuasa yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("SICDA") yang dikecualikan daripada mematuhi peruntukan subseksyen 25A (1) SICDA.
- Instrumen pelantikan proksi hendaklah diserahkan ke pejabat Pendaftar Saham Syarikat, Symphony Share Registrars Sdn Bhd, Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PUJ 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan tidak kurang daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum mesyuarat diadakan atau ditangguhkan di mana individu yang dinamakan dalam instrumen itu bercadang untuk mengundi dan dalam kes pengundian, tidak kurang daripada dua puluh empat (24) jam sebelum masa yang ditetapkan untuk membuat pengundian, dan jika gagal, instrumen pelantikan proksi akan dianggap tidak sah.

7. Ahli yang layak hadir

Bagi tujuan menentukan ahli yang berhak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-Tujuh (ke-7), Syarikat akan memohon daripada Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, selaras dengan Artikel 54 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung pada 5 Jun 2015. Hanya pendeposit yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung pada 5 Jun 2015 akan berhak untuk menghadiri mesyuarat tersebut atau melantik seorang proksi (proksi-proksi) untuk hadir dan/atau mengundi bagi pihak pendeposit tersebut.

Nota Penjelasan bagi Urusan Biasa:

- Butiran Agenda no. 1** hanya untuk tujuan pembentangan dan perbincangan sahaja kerana di bawah peruntukan Seksyen 169(1) Akta Syarikat, 1965 ("Akta") dan Artikel 125 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Penyata Kewangan Diaudit tidak memerlukan kelulusan rasmi Pemegang Saham dan oleh itu, ia tidak akan diisytiharkan untuk pengundian.
- Resolusi Biasa 3, 5 dan 6 - Penilaian Kebebasan para Pengarah Bebas**
Penilaian kebebasan YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid, Dato' Mohd Zafer Mohd Hashim dan Dato' Mohamed Suffian Awang yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat telah dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan disahkan oleh Lembaga Pengarah.
- Resolusi Biasa 4 - Pemilihan Semula Pengarah**
Berkenaan dengan resolusi ini, atas syor Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk **TIDAK** menyokong pemilihan semula Datuk Haji Faizoull Ahmad kerana, antara lainnya, beliau tidak lagi menjadi Pengarah Besar FELDA.
- Pengecualian daripada Mengundi**
 - Semua Pengarah Bukan Eksekutif yang merupakan pemegang saham Syarikat akan mengecualikan diri daripada mengundi berhubung Resolusi Biasa 7 berkenaan Yuran Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-Tujuh (ke-7) ini.
 - Para Pengarah yang dirujuk dalam Resolusi Biasa 2, 3 dan 4 yang merupakan pemegang saham Syarikat akan mengecualikan diri daripada mengundi berhubung Resolusi berkaitan pemilihan semula masing-masing di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-Tujuh (ke-7) ini.

Nota Penjelasan bagi Urusan Khas:

Resolusi Biasa 9 - Cadangan Mandat Pemegang Saham

Resolusi Biasa 9 yang dicadangkan, jika diluluskan, akan membenarkan Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk memeterai Urusniaga Berulang Dengan Pihak Berkaitan yang melibatkan kepentingan, secara langsung atau tidak langsung Pihak Berkaitan, yang berbentuk hasil atau dagangan yang diperlukan untuk operasi harian Kumpulan, tertakluk kepada syarat bahawa urusniaga tersebut dijalankan dalam perniagaan-perniagaan lazim mengikut terma-terma yang bukannya lebih memihak dan memberi kelebihan kepada Pihak Berkaitan berbanding yang biasanya ditawarkan kepada umum serta tidak menjejaskan kepentingan pemegang saham minoriti Syarikat.